

Newspaper	SUARA KEADILAN
Date	6 SEPTEMBER 2016

Bersatu halang akta zalim — Anwar

Suara Keadilan - 6/9/2016

KETUA Umum KEADILAN, Saudara Anwar Ibrahim percaya kehadiran Tun Dr Mahathir Mohamad di mahkamah membuktikan sokongan bekas perdana menteri itu kepada agenda pembaharuan.

Justeru, ini menyediakan mereka ruang untuk terus berunding, katanya ketika ditemui di mahkamah di Kuala Lumpur dalam usahanya untuk menghalang penguatkuasaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016.

Anwar ketika ditanya wartawan berkenaan kunjungan Mahathir ke mahkamah dan menyatakan beliau menghargai kunjungan itu.

“Saya hargainya... hakikat

bahawa beliau cukup baik hati dan menyokong permohonan ini, (beliau) ucapkan selamat berjaya dan sentiasa sihat,” katanya.

Anwar bagaimanapun menegaskan, pendiriannya, nombor satu, (adalah) kebajikan rakyat paling utama, ini bermaksud sesiapa yang ingin berunding, mesti menerima agenda perubahan tang dibawa.

“Ini bukan mengenai mempercayai atau tidak. Sesiapa yang menyokong agenda reformasi mesti diberi peluang untuk bersama. Beliau bersedia datang ke mari dan menyatakan sokongannya dengan permohonan (mahkamah) ini dan mengucapkan saya supaya sentiasa

sihat dan dengan itu saya anggap beliau menyokong agenda reformasi,” katanya.

Selain itu, Anwar menambah, kami membincangkan isu lain hanya secara umum. Tumpuan hanya kepada permohonan (halang Akta MKN) tetapi kami juga membincangkan isu-isu lain, tetapi akan mengumulkannya nanti.

Kumpulan empat keping foto pertemuan bersejarah itu dikongsikan oleh Wan Azizah di laman Facebook rasminya.

“Pertemuan pertama selepas 18 tahun 2 hari.. sejak 2 September 1998,” kata WAN Azizah, menyatakan tarikh Dr Mahathir memecat timbalannya itu yang mencetuskan krisis politik



dalam laungan “Reformasi”.

Bekas perdana menteri yang berkhidmat 23 tahun sebelum itu membuat kejutan apabila menampilkan diri di Mahkamah Tinggi, kira-kira 20 minit sebelum ketibaan Anwar dari Penjara Sungai Buloh bagi meneruskan samannya menghalang penguatkuasaan Akta MKN.

Turut hadir di mahkamah ialah isteri Anwar, Datuk Seri

Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden KEADILAN yang juga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali, ahli Parlimen KEADILAN Tian Chua, Zuraida Kamaruddin dan Datuk Kamarudin Jaffar, di samping bekas naib ketua cawangan Umno Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas timbalan menteri Datuk Saifuddin Abdullah.